

PDT Menelusuri Kegemilangan, Melestarikan Pembangunan

Editor:

Fadillah Ismail

E-mel:

fadillah@uthm.edu.my

Abstrak: Buku “Menelusuri Kegemilangan: Melestarikan Pembangunan Negeri Johor” mendokumentasikan perjalanan hampir tiga dekad Permodalan Darul Ta’zim (PDT) sebagai sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) yang berperanan penting dalam pembangunan negeri Johor. Berlandaskan aspirasi Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, buku ini menyoroti iltizam dan kepimpinan yang telah memacu kejayaan PDT, serta menampilkan kerjasama strategik bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Institut TRANSFORM. Sebuah naskhah apresiasi, refleksi dan inspirasi ke arah pembangunan negeri yang lebih lestari.

Kata kunci: PDT, GLC, Johor, kerjasama

PDT

PERMODALAN DARUL TA'ZIM



**Menelusuri Kegemilangan,
Melestarikan Pembangunan**



Menelusuri Kegemilangan, Melestarikan Pembangunan





PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN. BHD.

Syarikat Milik Penuh Kerajaan Negeri Johor



2022

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0061-52-8

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Senarai Penulis:

- Dr Fadillah Ismail
- Dr. Lutfan Jaes
- Dr. Mohd Hisyam Abdul Rahim
- Dr. Juzaimi Nasuredin

Susun Atur:

Jabatan Komunikasi, Sektor Komunikasi, Pentadbiran dan Sumber Manusia, Permodalan Darul Ta'zim (PDT)

Kandungan

Kata Alu-Aluan

- Pengerusi
- Setiausaha Kerajaan Johor
- Ketua Eksekutif (Kumpulan) PDT
- Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Hari Ini Dalam Sejarah

- Lembaran Tahun-Tahun Awal
- Barisan Pengasas - Jejak Semalam

Patah Tumbuh Hilang Berganti

- Mantan Ketua Eksekutif PDT

Zaman Beralih, Musim Berganti

- Temu bual Bersama YB Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki, Mantan Ketua Eksekutif PDT

Merintis Perubahan

Era Baru Permodalan Negeri

- Berdaya Membangun

Mencipta Kejayaan Demi Kejayaan

Melakar Hala Tuju Strategik PDT

- Perjalanan Penting dan Bermakna

Teroka Bidang Tujahan Baharu

- Temu bual Bersama YB Dato' Haji Hasni Bin Mohammad, Mantan Pengerusi PDT

Mengatur Kedudukan Berdaya Saing

- Meneroka Sempadan Baru

Kental dan Teguh - Membina Keseimbangan

i
ii
iii
iv

1

10

13

21

25

30

32

35

47

49

Menelusuri
Kegemilangan

Melestarikan Pembangunan

Bicara Minda	51
• Temu bual Bersama Setiausaha Kerajaan Johor, YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani	
Mendukung Mandat Yang Diamanahkan	63
Jaringan Unggul Global	65
Mengekalkan Kepercayaan dan Keyakinan Pelabur Merintis Perubahan	69
• Gigih Menghadapi Persaingan • Mempertahan Kepentingan	
Dari Meja Mantan Ketua Eksekutif	72
• Temu bual Bersama Ketua Eksekutif PDT (2014-2021), Tuan Haji Lukman bin Abu Bakar	
Kepimpinan Minda Kelas Pertama	83
• Anjakan Paradigma Kelas Pertama • Memupuk Budaya Berprestasi Tinggi • Tadbir Urus Korporat Unggul	
Pelaburan Demi Generasi Masa Depan	95
• Kerajaan dan Rakyat Berpisah Tiada • Program Tanggungjawab Sosial Korporat	
Jalan Di Hadapan	103
• Meneroka Era Baru • Memacu Masa Depan Yang Lebih Baik	
Sederap Bersama Negeri	106
• Polisi dan Hasrat Kerajaan Negeri • Titik Temu Harapan	
Penutup dan Kesimpulan	110

Kata Alu-Aluan

Menteri Besar Johor



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmat-Nya dapat saya menitipkan sepatah dua kata di dalam buku “**Menelusuri Kegemilangan: Melestarikan Pembangunan Negeri Johor**” ini.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada Permodalan Darul Ta’zim (PDT) di atas penghasilan buku ini. Sesungguhnya ia merupakan terjemahan terhadap komitmen dan usaha signifikan dalam memanifestasikan agenda Maju Johor. Malah ia begitu terserlah dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai hampir 30 tahun ini.

Sukacita saya menegaskan bahawa keberadaan PDT pada masa kini begitu relevan dengan kesinambungan pembangunan sosio-ekonomi negeri Johor. Malah tidak keterlaluan saya katakan bahawa PDT begitu berpotensi di masa akan datang bagi menjadi tulang belakang pembangunan ekonomi negeri yang selari dengan hasrat kerajaan negeri. Ia sekali gus demi mencapai kemakmuran rakyat dan seterusnya membina kemajuan negeri.

Maka buku ini menjadi tanda serta bukti pelaksanaan amanah yang telah digalas oleh PDT. Naskhah buku ini boleh dijadikan aspirasi, rujukan dan cerminan dalam mencorak masa depan Johor yang lebih gemilang. Ia sudah pastinya berpaksikan agenda utama memajukan Johor.

Semoga PDT terus mengorak langkah mengatur jalan berstrategi dalam melaksanakan tanggungjawab serta menjana kemajuan di negeri JOHOR tercinta.

Allah Peliharakan Sultan
Allah Berkati Johor

Sekian Wabilaahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Terima kasih.

YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
Menteri Besar Johor

Hari Ini Dalam Sejarah





Menara Pelangi yang pernah menjadi tapak pengoperasian PDT di awal penubuhannya.

Lembaran Tahun-Tahun Awal

Semuanya bermula pada 7 Disember 1994 (Rabu) bersamaan 4 Rejab 1415 Hijrah. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md. Yassin ketika itu telah memutuskan sebuah Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad untuk mengambil alih semua aset milik Kerajaan Negeri dalam Setiausaha Kerajaan Negeri (Diperbadankan)/*State Secretary Incorporation (SSI)*. Ia turut meliputi semua ekuiti Kerajaan Negeri dalam projek-projek penswastaaan. Maka wujudlah Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd (PDT) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada hari Jumaat yang mulia bersamaan 16 Disember 1994 / 13 Rejab 1415 Hijrah.

MMK juga ketika itu bersetuju memasukkan PDT ke dalam Second Schedule Enakmen Rizab Melayu 1936 sekali gus membolehkan ia memegang aset Rizab Melayu. Mesyuarat juga bersetuju pada mulanya memindahkan saham bernilai RM1, 999,000.00 milik kerajaan negeri di dalam Syarikat Prolink Development ke atas nama SSI dan seterusnya dipindahkan kepada PDT setelah ditubuhkan kelak.

Ketika itu YAB Menteri Besar Johor, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md. Yassin bersama YB Setiausaha Kerajaan Johor, Dato' Haji Ishak bin Mohd Yusof menjadi tulang belakang paling penting penubuhannya. Manakala Encik Roger Tan Kor Mee dilantik sebagai setiausaha tetap bagi menguruskan pendaftaran PDT. MMK juga ketika itu bersetuju dengan pelantikan Setiausaha Tetap Syarikat dan Ketua Eksekutif Kumpulan (*Group Chief Executive Officer*).

Pada tahun 1994, PDT memulakan operasi awal di Menara Public Bank, Jalan Wong Ah Fook Johor Bahru. Tidak sampai setahun kemudian (1995) ia berpindah pula ke Menara Pelangi, Taman Pelangi Johor Bahru. Sehinggalah pada tahun 2011 pejabat PDT berpindah sekali lagi di deretan rumah kedai di Taman Pelangi. Hanya selepas tiga tahun kemudiannya ibu pejabat PDT berpindah pula ke Bangunan Sultan Ismail di Kota Iskandar. Terkini PDT dengan megahnya mempunyai bangunannya sendiri di bangunan komersial, Uda Business Centre Bandar Baru Uda, Johor Bahru dan berpindah pada tahun 2021.



Patah Tumbuh Hilang Berganti

Mantan Ketua Eksekutif PDT



**YB DATO' DR. IBRAHIM
BIN ENDAN**
1 Mei 1995 - 1 September 2000



**YB DATIN PADUKA HAPIPAH
BINTI ENDOT**
18 September 2000 - 30 Jun 2001



**YB DATO' HAJI BADERI
BIN HAJI DUSUKI**
1 Julai 2001 - 31 Mac 2004



**YB DATIN PADUKA HAJAH NORSIAH
BINTI HARUN**
10 Januari 2006 - 19 Oktober 2006



**YB DATO' HAJI ABD LATIF
BIN YUSOF**
20 Oktober 2006 - 13 Mac 2011



**YB DATO' HAJI MOHD RAZALI
BIN MAHUSIN**
1 April 2013 - 18 November 2013



**YB DATO' DR. BADRUL HISHAM
BIN KASSIM**
19 November 2013 - 30 April 2014



**TUAN HAJI LUKMAN
BIN ABU BAKAR**
1 Mei 2014 - 31 Ogos 2021

A portrait of YB Dato' Haji Baderi Bin Haji Dusuki, a middle-aged man with glasses, wearing a white batik shirt. The portrait is set against a light background and is framed by a dark blue border. A small orange rectangular graphic element is visible in the top right corner of the portrait area.

Zaman Beralih Musim Berganti

YB Dato' Haji Baderi Bin Haji Dusuki

Mantan Ketua Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim (2001 - 2004)

Mengimbau sejarah dan ingatan YB Dato' - apakah hasrat utama kerajaan negeri apabila menubuhkan GLC seperti PDT?

Seperti sedia maklum saya pernah menerajui PDT dari tahun 2001 hingga 2004. Dalam masa yang sama (ketika itu) saya juga menjawat jawatan pentadbir negeri Johor sebagai Pengarah Unit Perancangan Ekonomi. Kemudian sebagai Pegawai Kewangan Negeri.

Lantaran berdasarkan pengalaman itu, saya berpendapat tujuan asal PDT ditubuhkan ialah untuk membantu kerajaan negeri mempercepatkan usaha-usaha kerajaan untuk membangun negeri Johor. Jadi ditubuhkanlah PDT di bawah pimpinan YAB Tan Sri Mahiaddin Yassin yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Johor. Pada mulanya kerajaan memang ada SSI (State Secretary Incorporation) namun ia hanya beroperasi dalam konteks satu enakmen sahaja (terhad).

Oleh sebab itu, kerajaan negeri memerlukan satu cabang untuk mempercepatkan pembangunan. Tan Sri Mahiaddin ketika itu mempunyai pandangan supaya apa-apa juga pembangunan dan aset yang dipegang oleh SSI di daftarkan di bawah nama PDT. Pada ketika itu juga ia terkait dengan banyak aset-aset yang merupakan pulangan kepada penswastaan. Lalu ia didaftarkan dan diserahkan kepada PDT untuk diurus. Sebahagiannya dalam bentuk sewaan yang merupakan pendapatan kepada PDT.

Saya berpandangan, sekiranya PDT diperkasakan betul-betul (diurus) ia akan menjadi satu agensi ataupun badan efisien yang boleh mengurus harta-harta daripada hasil penswastaan kerajaan negeri. Malah ketika itu (ekonomi) sedang rancak. Berjuta-juta aset yang merupakan *inkind* didaftarkan di bawah PDT.





Merintis Perubahan



Proses Transformasi

Sebagai sebuah organisasi yang berdaya saing dan komited untuk berkembang secara progresif maka banyak transformasi telah dilakukan demi kemajuan dan kecemerlangan.

Berubah dan merintis perubahan merupakan satu proses wajib dalam PDT. Ia perlu dikesan dan dimulakan seawal mungkin. Jika PDT tidak berubah adalah lebih malang jika organisasi diubah oleh persekitarannya. Lantaran proses transformasi PDT ke arah suatu tahap yang unggul bermula pada tahun 1994 apabila bersedia untuk menguruskan aset-aset kerajaan negeri dan pajakan di bawah State Secretary Incorporated, MMK R/M Bil. 07/1994 seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

Bak kata pepatah “jangan letakkan semua telur dalam satu bekas” maka oleh itu PDT mengambil langkah dan keputusan untuk mempelbagaikan pelaburan dalam pelbagai bidang yang berpotensi. Ia sebagai tindakan utama dalam usaha mengurus perubahan dan menjalani pengembangan syarikat.

Rintisan perubahan PDT dimulakan oleh langkah pertama dengan melibatkan diri dengan pembangunan komersial pada tahun 1995 dan 1996. Ia dimulai dengan pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus di Bagan Cerah untuk pembangunan di Desaru dan juga 30 peratus nilai ekuiti di Transbay Ventures Lot 1 Development, Johore Waterfront, Johor Bahru suatu ketika dahulu.

Selanjutnya PDT menceburi bidang perladangan pada tahun 1997 dan 1998 di Kahang, Kluang dan Sedili, Kota Tinggi melibatkan keluasan tanah sekitar 2000 hektar.

A portrait of YB Dato' Haji Hasni Bin Mohammad, a middle-aged man with dark hair and glasses, wearing a grey suit and a white shirt. He is smiling and looking slightly to the right. The background is a blurred office setting with a framed picture of the Petronas Towers on the wall. A small orange rectangular graphic element is located in the top right corner of the image area.

Teroka Bidang Tujahan Baru

YB Dato' Haji Hasni Bin Mohammad
Mantan Pengerusi PDT (2020 - 2022)

Bagaimana YB Dato' melihat usaha-usaha kerajaan negeri selama ini ke arah tadbir urus cemerlang, sekali gus usaha-usaha ke arah gaya tadbir baru kepimpinan organisasi seperti PDT ?

Kita telah melalui fasa kepimpinan yang panjang sejak sebelum kemerdekaan lagi di zaman British. Orang Melayu ketika itu terlibat secara langsung dalam pentadbiran walaupun hanya menjadi kerani. Manakala orang Cina terlibat dengan perniagaan dan begitu juga halnya dengan kaum-kaum yang lain. Masyarakat sudah dibahagibahagikan begitu atau kita kenali sebagai “dasar pecah perintah”. Namun setelah kita merdeka, kemahiran mengurus dan mentadbir ini dilihat berkembang dan ia dilalui dengan beberapa fasa rancangan pembangunan negara.

Oleh yang demikian proses ini berlaku secara berterusan dan semula jadi. Akhirnya kejayaan jelas dapat dilihat dengan terhasilnya barisan Malaysia Incorporated menerusi pelbagai dasar-dasar dan wawasan negara. Lebih daripada itu, semuanya telah terkandung dalam satu *masterplan* yang mana kebijakan setiap negeri-negeri dituntut untuk merebut peluang yang ada. Maka telah menjadi hasrat dan dasar kerajaan agar lebih banyak sektor-sektor kerajaan diuruskan secara diperbadankan. Maka inilah hasilnya sekarang di mana banyak firma dan agensi kerajaan telah beroperasi sebagai sektor swasta. Maknanya kerajaan bersifat terbuka dalam pembangunan.

Malah bukan sahaja itu, sistem birokrasi kita juga sudah banyak berubah. Penjawat awam negeri bukan lagi di takuk yang lama. Mereka kini datang dari pelbagai latar belakang. Ada di kalangan mereka adalah ekonomi mereka . Bukan lagi sekadar pentadbir. Malah untuk memastikan usaha yang lebih berkesan, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah pentadbir untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Kenapa kita lakukan demikian? Ini adalah kerana kita mengharapkan mereka mampu membawa kerajaan kepada satu tahap yang lebih baik.

“
Jika Tidak
Dipecahkan
Ruyung,
Manakan
Dapat
Sagunya
”



Mengatur Kedudukan Berdaya Saing

Meneroka Sempadan Baru



Sebelum tahun 2020 menjelang tiba, PDT telah mempersiapkan langkah bergaya dengan terlibat dalam sektor teknologi hijau dan teknologi maklumat. Pengurusan tenaga kitar semula yang lebih baik untuk alam sekitar mula di teroka secara serius. Konsep *Waste – To - Energy (WTE)* yang mengubah sisa pepejal menjadi tenaga mula menjadi tumpuan. Ia merupakan penyelesaian kepada isu pelupusan sisa pepejal yang mesra alam bagi keperluan rakyat negeri Johor.

Dalam hal ini PDT bersama rakan strategiknya Cypark Resources Bhd telah bekerjasama di dalam tender pembangunan loji WTE di Bukit Payung. Sesungguhnya penerokaan baru PDT ini menyaksikan perkongsian pengetahuan dan kepakaran serta membuka peluang kepada kontraktor tempatan untuk terlibat sama dengan projek berteknologi tinggi.

PDT juga mula serius dengan elemen tenaga boleh diperbaharui apabila menjadikan solar sebagai penggunaan tenaga lestari. Ia telah memulakan langkah awal membabitkan projek pembangunan sistem Solar Terapung di bawah *Large Scale Solar Program (LSS)*, Suruhanjaya Tenaga di Empangan Seluyut, Johor. Ia juga melibatkan lokasi di zon penampakan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) serta pemasangan panel solar di bangunan PIC menerusi Skim Pemeteran Tenaga Bersih atau *Net Energy Metering (NEM)*.

Dalam sektor teknologi maklumat pula PDT mula meneroka teknologi *Light Detection and Ranging (LiDAR) Topographic Mapping* yang terkait dengan pemetaan topografi dengan penggunaan pengesanan cahaya. Ia satu teknologi untuk mengukur jarak dari objek dengan menggunakan cahaya. Sensor yang menggunakan kelajuan cahaya untuk mengukur jarak.



Kental Teguh Membina Keseimbangan



Tahun 2020 menjelang tiba dengan seribu cabaran. Tahun yang diharapkan sebagai sebuah destinasi pencapaian Dasar Wawasan 2020. Namun ia menerima pelbagai kesan terkait ekonomi dan politik tanah air. Paling terkesan apabila dunia dilanda wabak Covid-19 yang menyebabkan pelbagai sektor ekonomi terpaksa ditutup sekali gus memberikan kesan mendalam pada prestasi ekonomi malah juga integrasi sosial. PDT menghadapi cabaran terbesar dalam memastikan pulangan konsisten dan berulang melalui sektor-sektor yang diterokainya khususnya bidang berpotensi tinggi.

Dalam hal ini, barisan kepimpinan PDT memerlukan satu pendekatan, usaha dan ikhtiar baru khususnya dalam mendepani wabak serta mengurus semula ekonomi yang terjejas. Untuk itu maka tertubuhlah Johor Economic, Tourism and Cultural Office (JETCO) di Singapura dalam usaha mengembalikan Johor sebagai negeri yang paling kompetitif serta berbudaya dalam rantau ini.

la merupakan usaha kerajaan negeri melalui PDT dalam mendepani cabaran global pasca Corona Virus (Covid-19). Ia juga merupakan salah satu daripada Tujuh Ikhtiar Makmur Johor yang digariskan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Ir. Hasni Bin Mohammad pada Jun 2021. JETCO bakal berusaha mempromosi Johor sebagai destinasi pelaburan, perdagangan, pelancongan dan kebudayaan bertaraf global di Singapura. JETCO juga berperanan dengan kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan Johor dalam usaha menjaga kebajikan rakyat Johor di Singapura.

A portrait of Tuan Haji Lukman Bin Abu Bakar, a middle-aged man with short grey hair, wearing glasses and a light grey suit jacket over a white shirt. He is smiling and looking towards the right. The background is a soft, out-of-focus indoor setting.

Dari Meja Mantan Ketua Eksekutif

Tuan Haji Lukman Bin Abu Bakar

Mantan Ketua Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim (2014 - 2021)

Bagaimana bermulanya cetusan idea penubuhan PDT? Apakah ‘kerangka besar’ sehingga memerlukan penubuhan sebuah institusi baharu bagi menggantikan yang lama?

PDT ditubuhkan pada tahun 1994 di zaman pentadbiran Tan Sri Mahiaddin Yassin. Awal PDT ditubuhkan pada tahun 1994 dengan matlamat yang hampir sama seperti pembentukan Khazanah Nasional di peringkat persekutuan. Kerajaan Negeri ketika itu diterajui oleh YAB Tan Sri Dato’ Haji Mahiaddin Bin Haji Md. Yassin dengan tujuan asal menjadikan PDT sebagai sebuah syarikat pelaburan. Sebelum ini, State Secretary Incorporated (SSI) telah diwujudkan. Bagaimanapun ia ditubuhkan di bawah enakmen, yang mana pergerakan SSI dalam bidang perniagaan amat terbatas.

Keputusan kerajaan ketika itu bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat Sendirian Berhad bagi mengambil alih semua aset kerajaan negeri dalam SSI dan ekuiti kerajaan negeri dalam projek-projek penswastaan. Pada ketika itu, projek penswastaan sangat aktif. Kerajaan mahu melaksanakan pelbagai projek pembangunan, tetapi mempunyai sumber kewangan yang terhad.

Sebagai contoh, projek sekolah agama yang perlu dibangunkan segera dan ia menjadi satu keperluan mendesak untuk rakyat. Jadi kita (PDT) menyediakan business model bagi menjayakan projek tersebut. Ini bermakna sebahagian pembiayaan pembangunan tersebut dibiayai menerusi konsep penswastaan ini.


“
PDT ditubuhkan
pada tahun 1994
dengan matlamat
yang hampir
sama seperti
pembentukan
Khazanah Nasional
di peringkat
persekutuan
”



Penutup & Kesimpulan

PDT

PERMODALAN DARUL TA'ZIM



PDT beriltizam untuk terus meneroka peluang-peluang baru di masa hadapan serta kekal berdaya saing dengan mendukung tadbir urus dan pengurusan risiko yang baik. Cita-cita murni ini demi melestarikan pulangan jangka panjang yang kukuh serta terjamin demi kemakmuran pembangunan negeri. Usia hampir menjangkau 30 tahun PDT telah cukup mengajar bagaimana untuk melihat risiko sebagai satu peluang dan menjadikan para pesaing sebagai kawan berstrategik. Kekurangan PDT telah dilihat sebagai satu kelebihan dalam mendepani cabaran masa hadapan dengan lebih tenang dan penuh perhitungan. Hanya dengan itu strategik yang progresif tetapi realistik dapat diperhalusi dengan hikmah.

Kini layar tujuan PDT semakin terarah. Cita-cita di masa akan datang tertumpu dalam persekitaran yang mencabar dan tidak ketentuan. Organisasi beriltizam untuk menjadi konglomerat terunggul di selatan tanah air dengan operasi merentas sempadan benua. PDT juga akan cuba beransur-ansur melerai kebergantungan dengan kerajaan dan berdikari dalam usaha mengantarabangsakan rangkaian sinergi dalam merintis penerokaan-penerokaan baru. Ia dilakukan demi merangsang pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan mapan.

Fundamental PDT terkait dengan kekayaan berdaulat untuk Johor!. PDT bukan sekadar perlu mencipta kekayaan tetapi mengalirkan kekayaan bersama dan menjana kekayaan yang dimiliki. PDT sedar mandat yang diberi serta amanah yang dipertanggungjawabkan. Barisan kepimpinan PDT akan terus bersatu memacu masa hadapan, melestarikan kejayaan dengan semangat berkobar-kobar.

Bagi PDT penyatuan kepakaran dan jaringan kolaborasi menjadi tunjang utama yang melandasi kegemilangan. Melaluinya PDT akan sentiasa menilai penyesuaian terbaik dalam mengorak langkah untuk memastikan limpahan kemakmuran kepada bangsa Johor khususnya .

Kewujudan PDT selama hampir 30 tahun amat bermakna dalam segenap aspek pembangunan di Johor. Sebuah GLC yang lahir daripada wawasan dan iltizam kepimpinan negeri berjiwa besar. PDT berjanji melipatgandakan peranan dan memaksimumkan usaha dengan pelbagai inisiatif serta pendekatan yang mencabar keupayaan serta risiko.

Menjana Masa Depan yang Lebih Gemilang ..



Sila inden kod untuk maklumat terpa

